

## **POLITIK PENAUANGAN DALAM PILIHANRAYA DI SARAWAK: KAJIAN KES DI DUN N.34 BATANG AI SEMASA PILIHANRAYA NEGERI SARAWAK KE-11**

*(The Patronage Politics in Sarawak Elections: Case Study in DUN N.34 Batang Ai during the  
11th 2016 Sarawak State Election)*

Anthony Anak Tutong & Neilson Ilan Mersat

### **ABSTRAK**

Kajian ini menjelaskan tentang peranan politik penaungan semasa pilihan raya DUN ke-11 Sarawak pada tahun 2016. Kajian ini juga bertujuan untuk membuktikan sama ada unsur-unsur politik lama masih dominan dalam proses politik pada hari ini terutamanya di kawasan pinggiran di Sarawak seperti di DUN N.34 Batang Ai. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan variasi-variasi politik penaungan yang telah digunakan oleh calon untuk mendapatkan sokongan politik semasa pilihan raya. Di samping itu, untuk menganalisis sama ada kegagalan pengagihan RTP dan MRP kepada penduduk setempat memberi kesan kepada sokongan politik. Objektif ketiga ialah untuk menjelaskan tentang hubungan amalan ritual dengan politik penaungan yang selalu digunakan oleh calon semasa pilihan raya di kawasan majoriti Iban. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan bagi menjelaskan tentang politik penaungan semasa pilihan raya berfokus kepada pilihan raya di DUN ke-11 N.34 Batang Ai pada tahun 2016. Metod lain ialah metod temubual, pemerhatian umum dan pemerhatian turut serta juga telah digunakan. Ketiga-tiga metod ini amat relevan dalam pengumpulan data untuk menjawab objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa landskap politik di kawasan kajian masih lagi dipacu oleh dominasi politik penaungan. Variasi politik penaungan seperti RTP dan MRP, Lawatan Sambil Belajar, Projek Baik pulih Rumah, *Tungkus Asi*, Pelantikan Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat, Ahli Majlis Daerah dan penggunaan Amalan *Ritual Miring* masih digunakan sebagai alat politik penaungan. Paling ketara ialah penggunaan variasi baharu politik penaungan lokal iaitu *Tungkus Asi* dan *Ritual Miring*. Kesemua variasi ini merupakan sebahagian daripada timbal balas mendapatkan sokongan politik semasa pilihan raya.

**Kata Kunci:** Politik Penaungan, Konsep Timbal balas, *Tungkus Asi* dan *Ritual Miring*

### **ABSTRACT**

This study explains the role of patronage politics during the 11th Sarawak DUN election in 2016. This study also aim to find out if the old political elements are still dominant in the political process today, particularly in rural constituency such as in DUN N.34 Batang Ai. The objective of the study is to discuss the variations of patronage used by candidates to gain political support during elections. Handouts, such as of RTP and MRP projects are frequently distributed during the election in return for political support. The study aim to establish the

relationship between ritual practices such as *miring* and patronage politics often practised by candidates during elections in Iban majority areas. For this study a qualitative approach is used to explain the politics of patronage during the election focusing on the election in the 11th DUN N.34 Batang Ai in 2016. Others method such as interviews and observation are used as well. These three methods are relevant for collecting data for answering the research objectives. Findings show that electoral politics in the study area is still driven by patronage politics. Apparently, the RTP and MRP projects, Tourism Package Offer, Home Improvement Project, *Tungkus Asi*, Appointment of *Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum*, District Council Members and the Traditional Ritual Practices are used as patronage tools. The finding show that the local patronage politics, namely *Tungkus Asi* and Ritual *Miring* are noticeable. The candidate dish out those patronage items in return for their political support.

**Keywords:** Patronage Politics, Concept of Reciprocity, *Tungkus Asi* dan Ritual *Miring*

## PENGENALAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui peranan politik penaungan semasa pilihan raya DUN ke-11 Sarawak pada tahun 2016 dengan tumpuan kepada kajian kes di N.34 Batang Ai. Ini adalah untuk membuktikan sama ada unsur-unsur politik lama iaitu politik penaungan masih dominan dalam proses politik pilihan raya pada hari ini terutamanya di kawasan pinggiran di Sarawak seperti di DUN N.34 Batang Ai.

Dalam penjelasan oleh Roff (1974) yang membuat pemerhatian politik di Sarawak meramalkan bahawa politik di Sarawak akan terus diwarnai oleh unsur-unsur lama iaitu politik penaungan. Persoalannya ialah adakah ramalan Roff ini masih tepat pada hari ini terutamanya di kawasan pinggiran di Sarawak? Sekiranya masih wujud, adakah terdapat variasi-variasi lokal politik penaungan ini seperti yang dijelaskan oleh Aspinall (2016) semasa PEMILU<sup>1</sup> di Indonesia? Aspinall (2016) menyatakan tentang kepelbagaian variasi lokal politik penaungan untuk memujuk dan mendapatkan sokongan politik daripada pengundi terutamanya semasa pilihan raya. Kajian ini juga berhujah berkaitan gambaran bahawa politik penaungan di Malaysia adalah berbentuk timbal balas antara ahli politik dengan korporat (Gomez, 1994). Walaupun dalam konteks kajian di peringkat akar umbi pula, hubungan ini lebih kepada timbal balas antara calon dan pengundi setempat. Calon sebagai penaung dan pengundi sebagai kelompok yang dinaungi. Hubungan seperti ini adalah bersifat *dyadic*<sup>2</sup>. Untuk itu, kajian ini amat penting dalam memberikan gambaran yang lebih jelas tentang konsep politik penaungan di peringkat akar umbi terutamanya dalam kalangan masyarakat Iban semasa pilihan raya DUN ke-11 tahun 2016. Di samping untuk merungkaikan sama ada politik penaungan masih dominan dan untuk menjelaskan lagi variasi-variasi politik penaungan di peringkat lokal semasa pilihan raya.

## KAWASAN KAJIAN: N.34 BATANG AI

Kawasan DUN N.34 Batang Ai mempunyai keluasan 1433 kilometer persegi. Kawasan ini


<sup>1</sup> PEMILU merujuk kepada Pemilihan Umum di Indonesia.

<sup>2</sup> Individu yang menduduki status ekonomi yang lebih tinggi akan menggunakan pengaruh dan sumber untuk memberikan perlindungan dan keuntungan kepada kelompok yang lebih rendah (Scott, 1977:125)

terletak di kawasan pedalaman di wilayah selatan Sarawak. Ia bersempadan dengan Provinsi Kalimantan Barat, Indonesia (Rujuk peta 1). Jumlah penduduk mengikut unjuran tahun 2010 seramai 27,363 orang.<sup>3</sup> 95 peratus penduduknya adalah orang Iban yang tinggal bertaburan di 108 buah rumah panjang yang sebahagian besarnya hanya boleh dikunjungi dengan menaiki bot antara tiga hingga lapan jam. Umumnya, DUN Batang Ai ini merupakan masih mempunyai kawasan hutan yang luas dan mempunyai sebuah pekan kecil iaitu Lubok Antu. Peratusan penduduk bagi kaum lain ialah Cina (3.75 peratus) dan Melayu (1.25 peratus).

Daripada segi logistik kawasan pilihan raya, Batang Ai adalah salah satu daripada kawasan DUN di bawah Parlimen P.203 Lubok Antu. DUN N.34 Batang Ai mempunyai jumlah pengundi berdaftar sebanyak 6716<sup>4</sup> orang pengundi. Terdapat 26 Pusat Daerah Mengundi (PDM) di DUN Batang Ai iaitu, Sebangki, Lubok Antu, Skarok, Kesit I, Kesit II, Engkari, Delok, Kaong, Empit, Kumpang, Klampu, Sayat, Kutai, Mepi, Jela, Sempang, Beretik, Krangan Mong, Ensawang I, Ensawang II, Kachong, Patoh, Bilararap, Sepaya, Gugu dan Menyang.

Peta 1: Lokasi N.34 Batang Ai yang terletak di kawasan Parlimen P.203 Lubok Antu



Sumber: <http://malvu.blogspot.com> (2016)

## POLITIK PENAUANGAN: ULASAN LITERATUR

Umumnya, penaungan ini wujud daripada konsep hubungan penaung-dinaungi dalam konteks antropologi. Dalam konteks kajian, penaungan ini melibatkan konsep timbal balas (reciprocity) antara pihak penaung-dinaung. Menurut Foster (1963) menjelaskan bahawa hubungan penaung-dinaung adalah merujuk kepada hubungan bersifat timbal balas antara dua pihak atau dikenali sebagai *dyadic*. Individu yang mempunyai status sosioekonomi yang lebih tinggi akan menggunakan pengaruh dan sumber kuasa untuk memberikan perlindungan serta faedah kepada individu yang berstatus rendah. Balasannya ialah pihak ini akan menawarkan sokongan dan bantuan termasuklah perkhidmatan peribadi kepada penaung.

Menurut Bloch (1961) dan Hall (1974) pula, konsep penaungan ini tercetus daripada persekitaran masyarakat tani pada masa itu. Digambarkan bahawa golongan petani hidup dalam kemiskinan dan hanya bergantung penuh kepada hasil pertanian mereka. Kehidupan mereka dikawal oleh sekumpulan individu yang berkuasa yang merupakan tuan tanah.

<sup>3</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

<sup>4</sup> Berdasarkan Daftar Pemilih SPR N.34 Batang Ai Tahun 2016.

Kumpulan ini menguasai pengeluaran ekonomi, berpengaruh dalam politik dan mempunyai status sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat tani. Kelompok ini amat dipandang tinggi oleh masyarakat miskin. Hubungan antara petani dan tuan tanah ini terserlah apabila mereka terpaksa meminta perlindungan keselamatan daripada ancaman atau musuh. Masyarakat tani selalu menerima ancaman dan gangguan daripada musuh dan perompak. Bukan itu sahaja, mereka juga mengalami pengeluaran pertanian yang merudum dan tidak berdaya ekonomi. Keadaan ini menyebabkan mereka memerlukan bantuan daripada pihak yang lebih tinggi status ekonomi iaitu kumpulan tuan tanah. Sebagai balasan kepada perlindungan dan bantuan yang diberikan oleh tuan tanah ini maka petani-petani miskin ini akan mengerjakan tanah pertanian mereka sebagai tanda terima kasih kepada perlindungan yang diberikan oleh tuan-tuan tanah ini. Maka, di sinilah hubungan penaung-dinaungi itu bermula. Hubungan yang berkait rapat dengan hubungan kebergantungan kepada pihak yang lebih tinggi statusnya.

Dalam konteks politik, konsep penaungan ini mempunyai pelbagai nama yang digunakan untuk merujuk kepada politik penaungan. Antaranya ialah *political clientelism*, *political machine*, *clintelist parties* dan sebagainya. Menurut Graiano (1973: 164), politik penaungan ini merujuk kepada hubungan pemimpin tertinggi dalam parti dengan penyokong yang mempunyai ideologi yang sama. Hubungan ini digunakan untuk menarik sokongan politik pengundi di peringkat akar umbi menerusi pilihan raya (Birch, 1997; Fukuoka, 2013; Mohmand, 2014 & Aspinall, 2014). Sebab itu, Birch (1997) menjelaskan bahawa penaungan ini adalah merujuk kepada pertukaran layanan iaitu memberikan sesuatu barangan sebagai balasan kepada sokongan politik semasa pilihan raya. Pertukaran ini termasuklah pembelian undi yang dilakukan semasa pilihan raya.

Di Indonesia, dalam kajian yang dijalankan tentang politik penaungan semasa Pemilihan Umum Indonesia Tahun 2014 (PEMILU) oleh Aspinall et al. (2015) mendapati bahawa terdapat pelbagai variasi politik penaungan digunakan oleh calon-calon pilihan raya. Antara variasi politik penaungan di peringkat akar umbi seperti *Serangan Fajar* (Dawn Attack), *Buah Tangan* yang menjadi minyak pelincir sosial setiap kali calon berkempen dari rumah ke rumah, *Pot Bunga*, *Ongkus ke TPS*<sup>5</sup> atau *Uang Lelah*, *vote buying*, *club goods* dan *pork barrel politics*. Variasi lokal ini digunakan oleh calon-calon pilihan raya untuk mendapatkan sokongan politik.

Di Sarawak, politik penaungan ini disentuh oleh Milne dan Ratnam (1974), Roff (1974), Leigh (1974), Searle (1983) dan Jayum (1994). Sarjana-sarjana ini beranggapan bahawa politik penaungan ini merupakan ciri utama dalam setiap politik pilihan raya di Sarawak. Menurut Mohd Faisal (2012: 61), politik penaungan adalah sebagai satu instrumen untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membantu kempen-kempen politik bagi menarik sokongan daripada pengundi-pengundi di peringkat akar umbi. Balasannya ialah ahli-ahli korporat ini akan diberikan projek-projek kerajaan. Dalam penjelasan Cooke (1999: 85) pula, hubungan ini berkait rapat dengan industri balak apabila pengeluaran lesen pembalakan diagihkan oleh parti pemerintah kepada penyokong atau pihak ketiga bagi mendapatkan sumber kewangan untuk kekal berkuasa. Ia dianggap sebagai *essential lifeline* kepada parti-parti tersebut. Tambah pula, bagi orang korporat pula sumbangan wang yang diberikan kepada parti politik adalah satu bentuk *forward investment* bagi mereka.

Namun, apa yang berlaku sebenarnya di peringkat akar umbi adalah hubungan ini lebih kepada hubungan antara calon dan pengundi dan bukannya antara parti-parti politik dan ahli-ahli korporat. Politik penaungan di peringkat akar umbi adalah hubungan yang lebih

<sup>5</sup> TPS merujuk kepada Tempat Pemungutan Suara

melibatkan hubungan timbal balas antara calon dan pengundi atau penyokong tegar seseorang calon terutamanya calon parti pemerintah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam mendapatkan data, kerja lapangan telah digunakan dalam pengumpulan maklumat di kawasan kajian iaitu di DUN N.34 Batang Ai. Terdapat 3 fasa dalam kajian lapangan ini iaitu fasa pertama ialah pada 02-18 Mei 2016, fasa kedua ialah selepas pilihan raya iaitu pada 10-18 November 2016 dan fasa ketiga ialah pada April-Julai 2018.

Data utama kajian ini dikumpulkan daripada temu bual secara temu bual individu (IDI) dan dalam temu bual kumpulan berfokus (FDG). Sejumlah 103 informan yang dipilih secara *purposive sampling*. Teknik *purposive sampling* ini digunakan kerana ciri utama menjadi sampel kajian adalah mesti telah berdaftar sebagai pengundi di DUN N.34 Batang Ai. Ini selaras dengan pertimbangan tertentu berkaitan objektif dan persoalan kajian (Babbie, 2010:193). Pemilihan informan ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu seperti umur (mesti 21 tahun ke atas), jantina, lokasi tempat tinggal, jenis pekerjaan, latar belakang sosio-ekonomi dan penglibatan dalam politik.

Jadual 1: Fasa Kajian Lapangan di DUN N.34 Batang Ai

<b>Kajian Lapangan di DUN N.34 Batang Ai</b>			
<b>Fasa Kajian Lapangan</b>	<b>Fasa 1</b>	<b>Fasa 2</b>	<b>Fasa 3</b>
<b>Tempoh</b>	02-18 Mei 2016	10-18 November 2016	April-Julai 2018
<b>Kawasan Kajian</b>	Skim Batang Ai I dan II, Ulu Batang Ai, Batang Ai Ili dan Batang Ai Pasar	Ulu Batang Ai, Ulu Engkari, Batang Ai Ili dan Batang Ai Pasar	Ulu Lemanak, Skim Batang Ai I dan II, Batang Ai Ili dan Batang Ai Pasar

Kawasan N.34 ini dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Batang Ai Ulu, Batang Lemanak, Batang Ai Skim, Batang Ai Pasar dan Batang Ai ili. Terdapat 26 PDM di kawasan N.34 ini. Terdapat 103 informan yang terlibat dalam kajian ini. Teknik snowball *sampling* atau persampelan Bebola Salji turut digunakan dalam memilih sampel kajian. Ini bermakna seorang informan akan memberi petunjuk untuk memilih sampel yang seterusnya. Keadaan ini akan terus berlaku sehingga mencapai titik ketepuan seperti dijelaskan oleh Douglas (1985).

Temubual tidak berstruktur telah digunakan sepanjang kajian ini. Tujuannya adalah untuk membolehkan informan mempunyai lebih ruang untuk menjawab soalan berdasarkan pengalaman yang dilalui mereka. Kaedah seperti ini amat sesuai digunakan di kawasan kajian yang mempunyai kadar celik huruf yang rendah (Sabitha Marican, 2009) seperti di kawasan pedalaman Batang Ai. Selain itu, kaedah pemerhatian umum dan turut serta juga digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat. Data temubual dianalisis menggunakan analisis kandungan. Analisis ini digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna. Analisis kandungan temubual dilakukan secara manual untuk membentuk tema bagi menjawab objektif kajian dan persoalan kajian.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati terdapat beberapa aspek politik penaungan lokal yang membuka ruang yang luas kepada pengaruh politik semasa pilihan raya. Pengaruh politik penaungan ini lebih memihak kepada calon yang besar dan mantap serta mempunyai sumber yang luas. Variasi politik penaungan ini digunakan oleh calon-calon yang bertanding untuk memujuk dan mempengaruhi pengundi-pengundi supaya memberi sokongan kepada calon yang bertanding. Ini adalah berdasarkan hasil kerja lapangan yang dilakukan pada pilihan raya ke-11 tahun 2016 di N.34 Batang Ai.

### Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Projek Kecil Luar Bandar (MRP)

Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Projek Kecil Luar Bandar (MRP) merupakan satu aspek atau variasi politik penaungan yang digunakan dalam meraih sokongan politik semasa pilihan raya DUN ke-11 di N.34 Batang Ai. Kedua-duanya merupakan inisiatif kerajaan negeri untuk mempercepatkan pembangunan sosio ekonomi di Sarawak. Dalam politik penaungan terutamanya semasa pilihan raya, komoditi yang paling penting ialah agihan projek pembangunan pra pilihan raya. Projek pembangunan yang dijanjikan ini menjadi alat timbal balas antara calon dan pengundi-pengundi setempat terutamanya daripada calon parti yang mempunyai sumber yang mantap. Projek-projek pembangunan MRP dan RTP ini seperti projek 'mee segera' diedarkan semasa pilihan raya (Searle, 1983; Aeria, 1996). Menurut Faisal (2012:105), RTP dan MRP merupakan projek segera yang sangat penting bagi parti pemerintah kerana mereka menawarkan "barang" yang nyata yang memberi manfaat langsung kepada pengundi. Kedua-dua adalah dalam bentuk projek. Projek-projek ini akan diagihkan semasa kempen pilihan raya untuk memikat hati pengundi-pengundi. Dalam Laporan Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak tahun 2018 (Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Ketiga), sejumlah RM2.0 billion diperuntukan untuk tempoh tahun 2015 sehingga 2018. Sebanyak 7,283 RTP projek akan dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut di seluruh Sarawak.

Sejumlah RM4,952,962.74<sup>6</sup> agihan projek RTP adalah untuk N.34 Batang Ai pada tahun 2016 dan tidak semua rumah panjang mendapat agihan ini. Hanya 20 buah rumah panjang daripada 108 buah rumah panjang mendapat manfaat daripada agihan RTP tahun 2016. Pengagihan projek-projek seperti ini bukan sahaja dapat menggembirakan pengundi-pengundi di kawasan tersebut tetapi berupaya menimbulkan kesan 'feel good' (Mersat, 2011:95). Tambahan lagi, pemberian dan pengagihan projek pembangunan waktu pilihan raya ini sering dikaitkan dengan usaha untuk mendapatkan sokongan politik. Sebab itu, agihan projek ini seperti ini selalu dianggap oleh pihak pembangkang sebagai panadol (*pain killer*) yang menjadi ubat sementara (Mersat, 2008). Tetapi, kebijaksanaan Tuai rumah yang mengambil peluang untuk memohon projek semasa calon berkempen ke rumah panjang mereka amatlah penting untuk mendapatkan agihan pembangunan ini. Contohnya, kebijaksanaan Tuai Rumah K di Skim Penempatan Semula Batang Ai Fasa II memohon supaya calon parti pemerintah yang berkempen membantu membaiki keadaan rumah panjang mereka yang sudah usang telah berjaya mendapat peruntukan sebanyak RM70,000.00 untuk mengecat dan membeli papan siling rumah panjang menggantikan siling lama sebagai tukaran kepada sokongan politik semasa pilihan raya 2016.<sup>7</sup>

<sup>6</sup> Sumber daripada Pejabat Residen Sri Aman.

<sup>7</sup> Temu bual dengan Informan A yang merupakan seorang Tuai Rumah rumah panjang berkenaan.

Walau bagaimanapun, ada juga tuai-tuai rumah yang menyatakan bahawa ada juga projek-projek yang dijanjikan semasa pilihan raya tidak pernah ditunaikan. “*Bula sidak YB. Nyau dah lebih setaun projek maia kempen 2016 nadai kala datai*” (Terjemaahan: “Janji manis sahaja calon YB. Sekarang dah lebih setahun janji kempen tahun 2016 tetapi hanya cakap sahaja”<sup>8</sup>. Menurut seorang Tuai Rumah yang ditemubual pasca pilihan raya DUN ke-11, N.34 Batang Ai, “*walaupun kadang-kadang janji-janji pilihan raya ini tidak ditunaikan sepenuhnya tetapi lebih baik daripada tidak ada apa-apa. Saya akan menyokong calon-calon yang mampu membawa pembangunan dan membekalkan kemudahan asas. Saya akan menyokong calon yang ada membantu meningkat taraf hidup kami*”<sup>9</sup>. Pada pilihan raya PRK 2009, daripada 26 Pusat Daerah Mengundi di N.34 Batang Ai, hanya empat dimenangi oleh PKR iaitu di Sayat, Jela, Sempang dan Gugu. Kawasan lain telah memberikan kemenangan kepada calon BN. Pada pilihan raya DUN ke-11 tahun 2016, hanya satu daripada 26 Pusat Daerah Mengundi dimenangi calon PKR. Perubahan sokongan ini menunjukkan pengundi-pengundi memilih untuk menyokong pembangunan yang dibawa oleh calon. Walaupun begitu, agihan RTP dan MRP bukan faktor utama penyumbang kepada kemenangan tetapi ia berjaya membantu meningkatkan kemudahan asas yang masih berkurangan di kawasan luar bandar seperti di Batang Ai. Tuntasnya, jika calon BN ini berjaya memikat hati penduduk rumah panjang Batang Ai dan mereka yakin bahawa hanya BN yang boleh membawa pembangunan dan menunaikan janji maka Batang Ai akan terus kekal menjadi status quo milik BN pada pilihanraya akan datang.

### Lawatan Sambil Belajar Ke Luar Negara

Lawatan Sambil Belajar ke Luar Negara juga merupakan salah satu variasi politik penaungan lokal semasa pilihan raya DUN ke-11 di N.34 Batang Ai. Dalam pilihan raya DUN ke-11 di N.34 Batang Ai tahun 2016, calon-calon mempunyai pasukan masing-masing semasa berkempen. Pasukan kempen calon seperti ini sama dengan *Tim Sukses, Tim Pemenang, Tim Relawan* atau *Tim Keluarga* di Indonesia semasa PEMILU 2014 seperti dijelaskan oleh Aspinall (2017). Pada pilihan raya DUN ke-11, terdapat 26 pasukan PDM di N.34 Batang Ai menjadi jentera penggerak kepada calon semasa berkempen terutamanya parti yang memiliki sumber yang mantap dan luas berbanding calon lain. Berdasarkan kajian lapangan semasa pilihan raya di N.34 Batang Ai, pasukan kempen BN/PRS dikenali sebagai Pasukan PDM (Pusat Daerah Mengundi). Pasukan ini akan bergerak dari PDM ke PDM di kawasan N.34 Batang Ai bagi berkempen dan berusaha menarik sokongan politik kepada calon mereka yang mereka sokong.

Selepas pilihan raya diadakan kumpulan PDM Induk ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara iaitu ke Sydney Australia selama 12 hari. Penat lelah dan kerja keras pasukan Induk PDM ini diraikan dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara. Perkara ini diakui dan dimaklumkan oleh salah seorang anggota rombongan yang merupakan salah seorang ahli PDM Induk. Beliau merupakan penyokong kuat calon parti pemerintah yang akhirnya dilantik sebagai *Councillor* baru PRS.<sup>10</sup> Lawatan ini menjadi satu timbal balas kepada ahli PDM Induk kerana membantu mengatur dan menggerakkan proses

<sup>8</sup> Temu bual dengan Tuai Rumah Informan No. i dari Ulu Batang Ai pada 17 November 2017

<sup>9</sup> Temubual dengan Tuai Rumah (Informan A) dari Skim Batang Ai Fasa II pada 16 Mac 2018, Jumaat.

<sup>10</sup> Temubual dengan salah seorang ahli PDM Induk yang menyertai lawatan ke Sydney, Australia.

kempen calon.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun, hanya ahli PDM Induk terpilih sahaja yang semuanya adalah ahli PRS, sedangkan dalam kumpulan kempen PDM Induk ini terdiri daripada pelbagai anggota parti PRS, PBB dan SPDP (PDP). Isu ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati anggota PDM daripada parti komponen BN yang lain kerana mereka juga sama-sama *Ngasu* (memburu) bersama calon semasa pilihan raya DUN ke-11.

### **Projek Baik Pulih Rumah**

Variasi politik penaungan lokal ketiga semasa pilihan raya di N.34 Batang Ai ialah pemberian projek baik pulih rumah. Pada tahun 2018, projek ini diberikan nama baharu iaitu dikenali sebagai Projek Kecil Luar Bandar-Program Penambahbaikan Rumah Rakyat Miskin Sarawak (MRP-PPRMS). Peruntukan diberikan atas budi bicara wakil rakyat. Kumpulan sasar bagi program ini adalah golongan miskin tegar yang berdaftar dengan Sistem e-Kasih atau SSPKR. Keutamaan akan diberikan kepada golongan tua, uzur dan cacat serta ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan.

Dalam pemerhatian di N.34 Batang Ai, pengagihan dan pemberian Projek Baiki Rumah di peringkat akar umbi mengutamakan kawasan penyokong kuat calon parti pemerintah. Pemberian projek ini lebih giat berlaku semasa kempen pilihan raya dan dilaksanakan selepas pilihan raya. Sebagai contoh, salah satu rumah panjang A di Skim Penempatan Semula Batang Ai Fasa II mendapat peruntukan sebanyak RM70,000.00<sup>12</sup> untuk mengecat dan membeli papan siling rumah panjang yang baru. Dalam temu bual dengan Tuai Rumah A berkenaan, beliau amat berterima kasih kepada wakil rakyat yang telah menunaikan janji kempen pilihan raya DUN ke-11 tahun 2016. Projek ini telah diusulkan oleh tuai rumah semasa calon berkempen di rumah panjangnya. Projek ini telah disiapkan pada pertengahan 2017. Pemberian Projek Baik Pulih Rumah yang lain ialah di sebuah rumah panjang B di Ulu Batang Ai dengan jumlah agihan projek baiki rumah sebanyak RM10,000.00<sup>13</sup> untuk tujuan membeli dan memasang mozek serta kipas siling di ruai rumah panjang berkenaan. Ini adalah sebahagian janji calon parti pemerintah semasa berkempen DUN 2016. Projek ini juga telah disiapkan pada pertengahan Julai 2017. Pada pilihan raya DUN ke-11, rumah panjang A ini telah memberikan undi kemenangan sebanyak 229 undi daripada 372 undi kepada calon parti pemerintah manakala rumah panjang B yang terletak di daerah mengundi Delok telah menyumbang undi 133 undi daripada 156 undi kepada calon parti pemerintah.<sup>14</sup> Tindakan ini merupakan sebahagian daripada variasi politik penaungan di peringkat akar umbi di N.34 Batang Ai semasa pilihan raya DUN ke-11 Tahun 2016. Ini adalah sebahagian daripada timbal balas yang berlaku dalam mendapatkan sokongan politik semasa pilihan raya antara pengundi dan calon-calon yang bertanding.

### **Variasi Politik Penaungan “*Tungkus asi*”**

Variasi politik penaungan yang keempat ialah *Tungkus Asi*. Terma ini adalah berdasarkan data daripada temu bual semasa pilihan raya DUN ke-11 di N.34 Batang Ai pada Tahun 2016.

<sup>11</sup> Dinyatakan oleh seorang ahli PDM Induk yang menyertai lawatan ke Sydney, Australia. Beliau merupakan orang kanan kepada calon BN.

<sup>12</sup> Dinyatakan Informan A yang merupakan seorang Tuai Rumah rumah panjang berkenaan.

<sup>13</sup> Temu bual dengan Informan B yang merupakan Tuai Rumah rumah panjang berkenaan.

<sup>14</sup> Berdasarkan Laporan Helaihan Mata Pilihanraya SPR N.34 Batang Ai Tahun 2016.



Terma ini didapati hanya digunakan di N.34 Batang Ai. Daripada 11<sup>15</sup> orang Tuai Rumah yang telah ditemubual, kesemua 11 orang Tuai Rumah menyatakan bahawa mereka mengetahui dan pernah menerima serta menguruskan *tungkus asi* pada setiap kali pilihan raya diadakan di N.34 Batang Ai dan P.203 Lubok Antu. Bahkan pada PRU ke-14, terma ini turut digunakan oleh calon-calon pilihan raya semasa berkempen. Terma *Tungkus Asi* ini merujuk kepada pampas atau ganti rugi atau token atau saguhati yang diberikan oleh calon-calon yang bertanding kepada pengundi-pengundi kerana meluangkan masa dan tenaga untuk turun mengundi. Jumlah pampas ini bergantung kepada lokasi asal pengundi yang balik mengundi. Tetapi semasa agihan sebenarnya, jumlah ini tidak sama dengan jumlah seperti yang telah diputuskan semasa mesyuarat. Dalam pemerhatian semasa pilihan raya DUN ke-11 di N.34 Batang Ai, pengundi dari kawasan Sri Aman/Betong/Saratok akan mendapat pampasan RM50.00. Pengundi dari Kuching/Sibu/Sarikei mendapat pampas sebanyak RM100.00. Pengundi dari kawasan Bintulu pula diberikan RM150.00. Manakala pengundi dari Miri akan diberi pampas sebanyak RM200.00. Menurut seorang pengundi di saluran 2 dari Miri yang pulang mengundi menjelaskan bahawa “*tungkus asi RM200.00 ukai duit rasuah, tang pampas aku laban nganti pengelelak aku pulai ke menua ngundi. Kitak ukai enda nemu Miri ke Lubok Antu bisi 600km. Sapa-sapa diundi aku nya sigi rahsia aku*”. (Terjemaahan: “*tungkus asi RM200.00 yang diberikan kepada beliau oleh Tuai Rumah bukanlah wang rasuah tetapi sebagai gantirugi kerana beliau bersusah payah dan penat lelah balik mengundi di Lubok Antu. Jarak Miri ke Lubok Antu ialah kira-kira 600 km. Namun, undi saya adalah rahsia saya*”).<sup>16</sup> Kenyataan ini juga disokong oleh seorang pengundi yang datang dari Mukah. Pampasan ini sebagai ganti rugi dan penat lelah memandu jauh dari Mukah kerana hendak mengundi.<sup>17</sup> Pemberian pampas iaitu *Tungkus asi* ini adalah untuk meringankan kos minyak pengundi yang balik mengundi. Bagi pengundi-pengundi dari kawasan Lubok Antu sendiri akan diberikan pampas RM20.00. Walau bagaimanapun, ada juga pengundi yang tidak mendapat sebarang pampas daripada tuai rumah walaupun sudah dipersetujui semasa mesyuarat ketua-ketua parti dan ketua masyarakat. Jadi, pemberian *Tungkus asi* ini bukan menjamin sokongan politik kepada calon-calon yang memberikan pampasan ini kerana ada pengundi yang mengambil pampas tetapi mengundi calon lain.

### **Pelantikan Jawatan Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat**

Ketua Kaum iaitu *Tuai Rumah* merupakan individu dan pemimpin yang terpenting dalam rumah panjang. Tuai Rumah merupakan hierarki tertinggi dalam sesebuah organisasi rumah panjang Iban, di Sarawak. Perkataan “*tuai*” membawa maksud “*tua*” yang biasanya menunjukkan status sosial dan berhubung kait dengan keperibadian serta pengetahuan seseorang individu. Menurut Freeman (1970: 112), ciri-ciri penting untuk menjadi seorang *Tuai Rumah* ialah bersifat jujur, bertimbang rasa, berpengetahuan tentang adat, petah bercakap, mahir membuat keputusan dan berperwatakan baik. Tuai Rumah juga sebagai ketua di sesebuah rumah panjang dan menjalankan pelbagai fungsi seperti penjaga aturan adat rumah panjang, pendamai sebarang perbalahan dan orang tengah antara masyarakat dan pemerintah

<sup>15</sup> TR Informan C, TR Informan B, TR Informan D, TR Informan E, TR Informan F, TR Informan I, TR Informan J, TR Informan K, TR Informan A, TR Informan L dan TR Informan M.

<sup>16</sup> Temubual dengan Informan No. 25 pada 07 Mei 2016 di pusat Pengundian SMK Lubok Antu.

<sup>17</sup> Temu bual Informan No. 24 dari Mukah yang telah menerima RM150.00 *Tungkus asi* pampas kereta. Temubual ini dilakukan pada 7 Mei 2016

(Jensen, 1974; Pringle, 1970). Pelantikan jawatan ketua kaum dan ketua masyarakat ini mempunyai Prosedur Operasi Standard. Dalam *Community Chief and Headmen Ordinance* 2004, pelantikan ini adalah berdasarkan pemilihan oleh rakyat di sesebuah rumah panjang atau kampung. Selepas dipilih, pelantikan akan dibuat oleh Pejabat Residen atau Majlis Daerah di kawasan tersebut.

Dalam pemerhatian di N.34 Batang Ai pemberian jawatan Tuai Rumah diberikan kepada pengikut-pengikut tegar calon parti pemerintah yang membantu calon semasa pilihan raya. Contohnya ialah campur tangan wakil rakyat dalam pelantikan Tuai Rumah di rumah panjang X dan rumah panjang Y yang terletak di hilir Batang Ai. Kedua-dua kes ini menarik perhatian kerana pelantikan *Tuai Rumah* di rumah panjang ini dipengaruhi oleh wakil rakyat yang sama dan mempunyai perkaitan dengan keluarga setiausaha politik wakil rakyat. Isu perantikan *Tuai Rumah* bermula apabila Tuai Rumah meninggal dunia. Selepas kematian *Tuai Rumah* rumah panjang X maka penduduk rumah panjang bersetuju melantik anak mendiang sebagai Tuai Rumah baru. Pelantikan tuai rumah seperti ini adalah berdasarkan keturunan keluarga Tuai Rumah. Tetapi malangnya selepas campurtangan Setiausaha Politik wakil rakyat dalam pelantikan tersebut maka nama baru muncul yang merupakan bapa saudara kepada setiausaha politik wakil rakyat. Manakala nama yang dipilih oleh penduduk rumah panjang digugurkan semasa mesyuarat di Pejabat Residen Sri Aman. Keadaan ini mewujudkan dua puak di rumah panjang tersebut. Tetapi pada tahun 2018, campur tangan wakil rakyat DUN pula telah menggugurkan nama *Tuai Rumah* X dan digantikan dengan anak Tuai Rumah yang dipilih oleh penduduk rumah panjang pada peringkat awal.

Kes kedua ialah kes di Rumah Panjang Y yang juga terletak di hilir Batang Ai. Selepas kematian Tuai Rumah, penduduk rumah panjang Y telah mengadakan mesyuarat dan memilih Tuai Rumah yang baru. Dalam mesyuarat tersebut terdapat dua pihak yang mencadangkan dua nama iaitu keluarga mendiang mencadangkan agar anak perempuan mendiang Tuai Rumah dilantik menggantikan bapa mereka atas dasar keturunan dan waris keluarga. Pihak kedua pula yang merupakan setiausaha politik kepada wakil rakyat mencadangkan nama abang beliau sendiri untuk menjadi Tuai Rumah yang baru. Keadaan ini menyebabkan Pejabat Daerah Lubok Antu campur tangan dalam urusan pemilihan jawatan Tuai Rumah. Dalam pengundian yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah maka penduduk rumah panjang bersetuju untuk memilih anak perempuan mendiang Tuai Rumah dilantik menjadi Tuai Rumah baru. Tetapi apabila mesyuarat pemilihan diadakan di peringkat Pejabat Residen dan Wakil Rakyat hadir, nama yang dipersetujui di peringkat awal telah digugurkan dan digantikan dengan nama baru iaitu abang kepada setiausaha politik Wakil Rakyat sendiri. Walaupun kedua-dua insiden ini boleh dianggap terencil, tetapi ini menunjukkan bahawa tuai rumah yang dipilih mestilah sehaluan dengan parti pemerintah agar membolehkan mereka menjadi perantaraan antara kerajaan dan rakyat. Walaupun dalam *Community Chief and Headmen Ordinance* 2004, wakil rakyat tidak boleh mencampuri pemilihan ketua kaum dan ketua masyarakat tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Isu yang sama juga berlaku dalam pelantikan Ketua Masyarakat iaitu Jawatan Penghulu dan Pemancha. Kedua-dua jawatan ini diwujudkan semasa pentadbiran Brooke. Pada zaman tradisional cara pemilihan penghulu adalah mengikut waris. Walaupun begitu, Penghulu yang hendak dilantik tidak semestinya anak penghulu. Pengganti boleh dipilih daripada orang yang layak dan mempunyai pertalian darah dengan penghulu berkenaan. Proses perantikan Penghulu dan Pemancha melibatkan Pejabat Residen dan Pejabat Daerah termasuklah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Dalam *Community Chief and Headmen Ordinance*

2004, kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk melantik Ketua Masyarakat yang telah dipilih oleh rakyat. Kedua-dua jawatan ini dilantik untuk membantu kerajaan menerapkan dasar-dasar kerajaan dan menjaga kawasan yang dijaga oleh mereka. Secara dasarnya, pelantikan Penghulu dan Pemancha dilakukan apabila berlaku kekosongan jawatan kerana berlaku kematian ataupun kerana pemegang jawatan tersebut sudah melebihi umur yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Dalam pemerhatian di N.34 Batang Ai, jawatan-jawatan penghulu di kawasan ini dibahagikan kepada 9 kawasan yang menyelia 75 orang *Tuai Rumah* di Batang Ai dan setiap kawasan ini sudah diagihkan berdasarkan kuota<sup>18</sup> parti yang telah dipersetujui sejak awal lagi. PBB mempunyai 4 kuota, PRS mempunyai 4 kuota, dan PDP 1 kuota. Ini bermakna semua ketua masyarakat ini adalah ahli parti pemerintah. Mereka adalah penyokong tegar calon parti pemerintah pada pilihan raya ke-11 DUN N.34 Batang Ai. Mereka merupakan pasukan utama dalam PDM Induk yang bergerak berkempen untuk calon parti pemerintah di sekitar kawasan N.34 Batang Ai. Mereka bersama-sama *Ngasu* (memburu) dengan calon semasa kempen tersebut. Seperti yang dijelaskan oleh Mersat (2008) mereka berhak mendapat habuan masing-masing. Habuan ini adalah dengan melantik mereka menjadi Penghulu dan Pemancha.

### **Pelantikan Jawatan Ahli Majlis atau *Councillor* (Cr)**

Variasi politik penaungan seterusnya ialah pelantikan Ahli Majlis atau *Councillor*. Tujuan jawatan ini diwujudkan adalah untuk membolehkan masyarakat setempat terlibat dengan proses membuat keputusan di peringkat kerajaan tempatan. Jawatan *Councillor* ini adalah sebahagian daripada komponen kerajaan tempatan seperti yang terkandung dalam *Seksyen 13 Local Authorities Ordinance 1996*. Dalam ordinan ini, ahli majlis sepatutnya tidak dipengaruhi oleh unsur politik atau dipengaruhi parti politik. Tetapi dalam keadaan sebenar di peringkat akar umbi, pelantikan jawatan *Councillor* diberikan sepenuhnya kepada anggota parti-parti yang menjadi parti pemerintah. Dalam konteks kajian di N.34 Batang Ai, jawatan *Councillor* ini diberikan hanya kepada anggota parti BNS iaitu anggota parti PBB, PDP (SPDP) dan PRS. Sesiapa sahaja ahli parti pemerintah (BNS) boleh dilantik menjadi *Councillor*.

Dalam pemerhatian semasa pilihan raya DUN N.34 Batang Ai tahun 2016, jawatan *Councillor* diberikan kepada ahli parti pemerintah yang telah membantu kempen calon parti semasa pilihan raya DUN ke-11. Mereka inilah yang menganggotai PDM utama dan PDM-PDM lain. Mereka bekerja keras memastikan kemenangan calon. Dalam pelantikan Ahli Majlis, Majlis Daerah Lubok Antu Bagi Tempoh Julai 2019-30 Jun 2021, 9 ahli majlis adalah daripada ahli PBB, 8 ahli majlis adalah daripada ahli parti SUPP, 3 ahli majlis adalah daripada ahli parti PDP, dan 11 ahli majlis adalah daripada ahli parti PRS. Pengerusi majlis adalah Pegawai Daerah Lubok Antu. Timbalan Pengerusi adalah Timbalan PRS N.34 Batang Ai. Ini menunjukkan bahawa jawatan *Councillor* ini merupakan salah satu jawatan timbal balas antara calon dengan pengikut tegar calon parti pemerintah iaitu parti-parti komponen BNS di peringkat akar umbi.

### **Amalan Ritual *Miring* sebagai variasi pengukuhan politik penaungan**

Dalam pemerhatian sebelum dan semasa pilihan raya DUN N.34 Batang Ai tahun 2016,

<sup>18</sup> Walaupun terdapat pengagihan kuota dalam perlantikan Penghulu seperti dijelaskan di atas tetapi pengagihan kuota di N.34 hanya persefahaman umum dalam kalangan anggota komponen BNS iaitu antara PBB, PRS dan SPDP (PDP) di Batang Ai.

terdapat satu lagi variasi lokal yang digunakan sebagai instrumen pengukuhan politik penaungan dalam kalangan pengundi masyarakat Iban di N.34 Batang Ai. Uniknyanya variasi ini wujud melalui Amalan Ritual Tradisi *Miring (bedara)*. Walaupun majoriti masyarakat Iban sudah beragama kristian, tetapi mereka masih berpegang teguh kepada adat resam, amalam-amalan ritual, adat istiadat tradisi, kepercayaan anisme yang telah lama wujud. Dalam penjelasan Van Gennep (2019) bahawa ritual adalah *rite of passage* merujuk kepada perubahan status sosial daripada satu status ke satu status. Menjadi calon dalam pilihan raya merupakan satu perubahan yang besar dalam status masyarakat. Ini memberi impak yang besar kepada individu yang melakukannya. Calon yang melakukan ritual ini akan mempunyai kedudukan dan dipandang tinggi dalam masyarakat Iban.

Dalam masyarakat Iban, Ritual *miring* atau *bedarak* ini merupakan upacara persembahan atau berdoa kepada Tuhan atau *Petara* bagi memberkati serta mendapatkan perlindungan daripada sebarang ancaman semasa melakukan perubahan status ini atau *bejalai*. Persembahan ini adalah kepada *Petara, Orang Panggau, Bunsu Antu dan Petara Aki-Ini* yang dijemput ke sesuatu upacara ritual tersebut. Tujuan adalah untuk mendapatkan restu supaya *Petara* tidak murka kepada mereka. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian di N.34 Batang Ai semasa pilihan raya DUN ke-11 tahun 2016, kedua-dua calon pilihan raya telah mengadakan ritual *miring* sekurang-kurangnya tiga kali iaitu semasa *sandau ari* yang bertujuan untuk menguatkan semangat calon, kedua ialah pada malam sebelum hari penamaan calon dan pada sebelah pagi hari penamaan calon. Dalam pemerhatian pengkaji semasa pilihan raya DUN N.34 Batang Ai tahun 2016, politik di kawasan luar bandar seperti di kawasan kajian masih menggunakan elemen unsur tradisi ini sebagai strategi berkempen dan untuk mendapatkan sokongan. Ia adalah untuk memobilisasi penyokong-penyokong calon supaya memberikan sokongan undi semasa pilihan raya. Melalui mobilisasi, pengundi-pengundi dilibatkan (engagement) bersama dalam proses politik semasa pilihan raya. Penyokong-penyokong berasa dihargai apabila mereka dilibatkan bersama dalam proses politik ini. Ritual *Miring* juga penting dalam pengukuhan politik penaungan apabila ia dijadikan sebagai strategi pemasaran calon. Dalam konteks kajian, berdasarkan pemerhatian pada 24 April 2016 di rumah panjang D, calon parti pemerintah memanggil kesemua pengundi dari setiap rumah panjang di N.34 Batang Ai *bergempuru* (berkumpul). Selepas selesai upacara *miring* di ruai tuai rumah, calon menyampaikan ucapannya. Setiap tetamu khas dan tuai-tuai rumah diberi penghormatan untuk duduk di depan bersama dengan beliau. Pada masa ini, calon memperkenalkan diri dan rancangan-rancangan pembangunan di N.34 Batang Ai sekiranya beliau dipilih sekali lagi sebagai wakil rakyat. Beliau berjanji untuk lebih bekerja keras untuk pengundi-pengundi di Batang Ai. Di akhir ucapannya, calon menyeru kepada ratusan penyokong yang hadir pada malam itu supaya anang limpang (jangan mengundi calon PKR). Ucapan hampir setengah jam mendapat tepukan gemuruh hadirin pada malam tersebut. Ini menunjukkan bahawa melalui ritual *miring*, calon boleh memasarkan diri di khalayak pengundi bagi mendapatkan sokongan politik. Melalui ritual *miring* calon dapat memperkukuhkan politik penaungan di peringkat akar umbi seperti yang berlaku di N.34 Batang Ai.

## KESIMPULAN

Terdapat data yang menunjukkan bahawa politik penaungan masih diamalkan bagi mendapatkan sokongan politik daripada pengundi-pengundi setempat di kawasan kajian N.34 Batang Ai semasa pilihan raya DUN ke-11. Ini bermakna, penjelasan oleh Roff (1974) yang

membuat pemerhatian politik di Sarawak meramalkan bahawa politik di Sarawak akan terus diwarnai oleh unsur-unsur lama politik penaungan adalah tepat. Pemberian pelbagai variasi penaungan seperti projek MRP, RTP, pakej pelancongan kepada anggota PDM, projek baikpulih, pelantikan Ketua-Ketua Kaum dan Masyarakat serta Ahli Majlis merupakan sebahagian ganjaran bagi meraih sokongan politik semasa pilihan raya.

Ditambah lagi dengan variasi lokal iaitu pemberian *Tungkus Asi* kepada pengundi sebagai pampasan telah memperkukuhkan lagi dominasi politik penaungan di peringkat akar umbi terutama di N.34 Batang Ai semasa pilihan raya DUN ke-11. Terma ini merupakan terma baru dalam politik penaungan dan hanya digunakan di kawasan kajian. Keadaan ini telah memperluaskan lagi tafsiran politik penaungan di peringkat akar umbi. Politik penaungan di peringkat akar umbi lebih unik lagi apabila proses politik moden di kawasan kajian melibatkan unsur tradisi iaitu ritual miring bagi memperkukuhkan politik penaungan. Ternyata kombinasi ritual tradisi dan politik moden berkesan menawan hati-hati pengundi di kawasan yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Iban.

Jelaslah, bahawa kesemua aspek di atas merupakan timbal balas antara calon yang bertanding dalam pilihan raya dan pengundi-pengundi di peringkat akar umbi di kawasan kajian. Timbal balas adalah untuk mendapatkan sokongan politik semasa pilihan raya. Kegagalan untuk mewujudkan timbal balas antara calon dan pengundi boleh memberi impak kepada keputusan pilihan raya.

## RUJUKAN

- Aeria, A. (1997). *The politics of development and the 1996 Sarawak state elections*. *Kajian Malaysia*, 15(1/2), 57-83.
- Aspinall, E., & Mas' udi, W. (2017). *The 2017 Pilkada (local elections) in Indonesia Clientelism, programmatic politics and social networks*. *Contemporary Southeast : A Journal of International and Strategic Affairs*, 39(3), 417-426.
- Aspinall, E., Rohman, N., Hamdi, A. Z., & Triantini, Z. E. (2017). *Vote buying in Indonesia: Candidate strategies, market logic and effectiveness*. *Journal of East Asian Studies*, 17(1), 1-27.
- Blok, A. (1969). *Variations in patronage*. *Sociologische Gids*, 16(6), 365-378.
- Freeman, Derek. (1992). *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed.
- Fukuoka, Y. (2013). *Indonesia's 'democratic transition' revisited: a clientelist model of political transition*. *Democratization*, 20(6), 991-1013.
- Gomez, E. T. (1994). *Political business: Corporate involvement of Malaysian political parties*. *Centre for South-East Asian Studies*. James Cook University of North Queensland.
- Hazis, F. S. (2012). *Domination and Contestation: Muslim Bumiputera Politics in Sarawak*. *Institute of Southeast Asian Studies*.
- Jawan, J. A., & King, V. T. (2004). *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jawan, J. A. (1994). *Iban politics and economic development: Their patterns and change*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jayum, A. J. (1991). *Political Change and Economic Development among the Ibans of Sarawak, East Malaysia*. University of Hull, Hull of City.
- Leigh, M. B. (1988). *The rising moon: Political change in Sarawak*. Antara Book Company.
- Mersat, N. I. (2008). *Politik Penaungan Dan Partisipasi Politik Peribumi Iban Di Sarawak*.

Faculty of Social Sciences, University Malaysia Sarawak.

Mersat, N. I., & Sarok, A. (1999). *Pilihanraya-Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Sarawak*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.

Milne, R. S., & Ratnam, K. J. (2014). *Malaysia: New States in a New Nation: New States in a New Nation*. Routledge.

Moggie, T. S. D. A. L. (2011). Erik Jensen, 2010, *Where Hornbills Fly: A Journey with the Headhunters of Borneo*. Borneo Research Bulletin, 42, 340-343.

Roff, M. C. (1974). *The Politics of Belonging: political change in Sabah and Sarawak*. Oxford University Press.

Rubin, A., & Babbie, E. (2010). *Research methodology for social work*. Belmont, CA: Thomson Brooks/Cole.

Scott, J. (1977). *Hegemony and the Peasantry*. *Politics & Society*, 7(3), 267-296.

Searle, P. (1983). *Politics in Sarawak, 1970-1976: the Iban perspective*. Oxford University Press.

Van Gennep, A. (2019). *The rites of passage*. University of Chicago Press.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NEILSON ILAN MERAT**

Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

mnilan@unimas.my

### **ANTHONY ANAK TUTONG**

Pelajar Kedoktoran

Kajian Sains Politik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

anthonytutong78@gmail.com